

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 21 MAC 2018**

**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan Kerajaan merancang untuk mewujudkan satu agensi atau unit untuk menyelesaikan isu nafkah isteri dan anak dengan mengambil tindakan yang lebih proaktif dan efektif ke atas mereka yang ingkar daripada mematuhi perintah Mahkamah Sivil.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) prihatin terhadap isu-isu pasca perceraian khususnya mengenai isu penguatkuasaan perintah mahkamah. Perkara ini tentunya akan memberi kesan terhadap ibu tunggal dan kanak-kanak terutamanya jika bekas suami atau bapa yang bertanggungjawab membayar nafkah gagal untuk memberikan kerjasama serta tidak patuh terhadap perintah mahkamah tersebut.

Bagi memantau penguatkuasaan perintah mahkamah yang lebih cekap, satu (1) unit yang dikenali sebagai Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) telah ditubuhkan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Penubuhan BSK adalah hasil daripada keputusan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Islam yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2008. Mekanisme penguatkuasaan ini hanya tertakluk kepada keputusan Mahkamah Syariah yang melibatkan pasangan Islam yang telah bercerai sahaja.

35

Memandangkan tiada mekanisme penguatkuasaan perintah mahkamah terhadap pasangan bercerai bukan Islam, Kementerian sedang melaksanakan Kajian Pemantauan Isu-isu Pasca Perceraian dan Penyelesaiannya dengan menggunakan khidmat perunding kajian daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bagi memastikan isu ini dapat dikaji secara menyeluruh. Kajian ini memfokuskan kepada isu-isu berbangkit selepas berlakunya perceraian terhadap pasangan bercerai bukan Islam khususnya dengan mengkaji semua Undang-undang berkaitan pasca perceraian dan penguatkuasaannya di Mahkamah Sivil dan keberkesanannya dalam sistem sedia ada.

Kajian ini juga akan mencadangkan mekanisme dan amalan terbaik terhadap penubuhan Agensi Pembangunan Keluarga bersepadu (APKB). APKB merupakan sistem bersepadu yang menekankan kepada penyelesaian secara mesra keluarga untuk memikul dan menunaikan hak dan tanggungjawab kepada pihak yang berkeelayakan termasuk isu nafkah, penjagaan anak dan harta perkahwinan. Penubuhan dan kaedah pelaksanaan APKB akan turut dikaji sama ada sesuai ditubuhkan di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Adat sebagai badan

berasingan atau sesuai digabungkan bersama BSK Mahkamah Syariah menjadi satu badan baharu dengan sistem bersepadu.

Hasil kajian ini adalah penting sebagai rujukan KPWKM ke arah cadangan mewujudkan satu agensi atau unit untuk menyelesaikan isu penguatkuasaan nafkah isteri dan anak. Kesesuaian model dan kaedah pengoperasian agensi atau unit ini akan turut diperincikan termasuk tindakan terhadap pihak-pihak yang ingkar daripada mematuhi perintah mahkamah tidak kira daripada Mahkamah Sivil, Mahkamah Syariah mahupun Mahkamah Adat.

Walau bagaimanapun, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah mengambil inisiatif yang proaktif untuk mewujudkan perkhidmatan Bantuan Sokongan Keluarga atau pusat hentian/rujukan setempat (*One Stop Centre*) bagi khidmat guaman di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi. *One Stop Centre (OSC)*, di mana OSC ini akan memainkan peranan sebagai pusat informasi serta khidmat bantuan sokongan keluarga kepada ibu tunggal untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat guaman.

37

Jabatan Pembangunan Wanita akan menjalankan projek rintis bagi usaha ini di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur dan Selangor. Penyelarasan dan mesyuarat susulan sedang giat diadakan di antara Jabatan Pembangunan Wanita, KPWKM bersama Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia, Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bagi merealisasikan perkara ini.

Tambahan juga, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) turut mengambil inisiatif yang proaktif dengan mengadakan Klinik Bantuan Guaman dan Klinik Perundangan Komuniti dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Negeri, Badan Peguam Malaysia bagi masyarakat yang ingin mendapatkan maklumat dan nasihat berkaitan hal-hal perundangan kekeluargaan Islam, isu berkaitan harta, dan lain-lain. Sehingga **Disember 2017**, sebanyak **73 klinik** seumpama ini telah dilaksanakan yang disertai oleh seramai **1,251 orang peserta**, dan **1,105** daripadanya ialah **ibu tunggal**. Inisiatif ini akan diteruskan dengan lebih proaktif selaras dengan aspirasi Tahun Memperkasa Wanita 2018.

Perkhidmatan kumpulan sokongan untuk wanita ini amatlah diperlukan untuk memastikan Dasar Wanita Negara dapat dicapai bagi

mewujudkan sebuah masyarakat yang maju, dinamik dan berdaya saing serta penyayang, adil dan saksama. Perkhidmatan ini akan meningkatkan keupayaan wanita untuk lebih menyumbang kepada pembangunan Negara melalui penyediaan perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan.